

22/04/1997

Kerjasama KL-Budapest terus berkembang

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin ruang kerjasama dua hala antara Malaysia dan Hungary akan terus berkembang berikutan termeterainya dua perjanjian hari ini.

Perdana Menteri berkata, perjanjian itu serta perjanjian lain sebelum ini membuka ruang kepada perdagangan, kerjasama ekonomi, penyelidikan dan pembangunan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, Malaysia dan Hungary juga sedar keperluan bagi mewujudkan hubungan lebih erat antara sektor swasta bagi meneroka peluang perniagaan di kedua-dua negara dan negara ketiga.

"Saya yakin keadaan pelengkap yang ada dalam ekonomi kedua-dua negara akan mewujudkan jalinan sektor swasta yang baik," katanya dalam ucapan di jamuan makan malam bagi meraikan rakan sejawatannya dari Hungary, Gyula Horn di Sri Perdana.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Horn, Anna.

Horn dan rombongannya yang terdiri daripada Menteri Kabinet, pegawai kanan dan ahli perniagaan negara itu tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari ke negara ini.

Malaysia dan Hungary hari ini menandatangani Perjanjian Mengenai Kerjasama Saintifik dan Teknikal dan Memoradum Persefahaman Berkaitan Promosi Perdagangan.

Dr Mahathir berkata, pelabur Hungary adalah dialu-alukan untuk mengambil bahagian dalam projek pembangunan dan sektor pembuatan di Malaysia.

"Malaysia boleh menggunakan kepakaran Hungary, terutama dalam teknologi tinggi berkaitan pembuatan mesin, kejuruteraan kereta api, talian penghantaran tenaga dan produk berasaskan balak," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dengan kedudukan yang strategik di rantau Asia Timur yang pesat membangun, boleh dijadikan pangkalan bagi perniagaan Hungary yang berminat memasuki pasaran yang lumayan ini.

Perdana Menteri juga berkata, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara masih kecil, iaitu bernilai AS\$62.8 juta (RM157 juta tahun lalu, dan usaha lebih gigih perlu dilakukan bagi meningkatkan jumlah dan kepelbagaian perdagangan.

Katanya, Malaysia berharap Hungary dapat mengadakan pameran dan seminar seperti yang diadakan sekarang bagi membolehkan usahawan Malaysia mengenal pasti usaha sama yang boleh dijalankan.

Katanya, kapasiti industri dan teknologi Hungary yang amat maju masih belum diketahui secukupnya oleh ahli industri Malaysia.

"Bagi pihak Malaysia, kita akan menggalakkan ahli perniagaan tempatan mengambil bahagian dalam projek ekonomi di Hungary terutama yang berkaitan penswastaan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mengikuti dengan penuh minat transformasi ekonomi yang dialami Hungary sejak 1990 dan yakin negara itu terus maju dan makmur.

Katanya, Malaysia dan Hungary juga berkongsi pendekatan dalam banyak isu antarabangsa.

"Konflik di Bosnia-Herzegovina memerlukan kita bekerjasama lebih erat lagi. Malaysia, seperti juga Hungary, percaya bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mempunyai tugas utama bagi memastikan keamanan dan keselamatan antarabangsa," katanya.

(END)

